

19 JUL 2000

Maha-haiwan/I

HAIWAN BAKA BARU DIPAMERKAN PADA MAHA 2000

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Baka baru lembu, kambing, burung puyuh, serta kemahiran pada hamster dan pertandingan ayam cantik adalah antara tarikan di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancongan 2000 (MAHA 2000) di Stadium Putra, Bukit Jalil mulai Ahad hingga 30 Julai ini.

Beratus-ratus ternakan, daripada jenis haiwan daging kepada haiwan peliharaan, akan dipamerkan pada acara anjuran Kementerian Pertanian dengan kerjasama pihak industri dan institusi penyelidikan tempatan.

Acara lain yang turut dijadualkan ialah pameran ayam import seberat tujuh kilogram dan lelongan pelbagai jenis haiwan, demikian menurut jurucakap sekretariat MAHA 2000, di sini, hari ini.

Beliau berkata dua baka baru lembu, yang dinamakan Brahmas dan Charoke hasil kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Pertanian Malaysia (Mardi) akan dipamerkan bersama-sama dengan baka baru kambing Universiti Malaya, yang dikenali sebagai Germansia.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga menghasilkan baka baru burung puyuh yang dikenali sebagai Chinon. Ternakan lain yang akan dipamerkan ialah biri-biri, itik, ayam belanda, arnab dan burung unta serta burung merak.

Sepanjang pameran sembilan hari itu, pelbagai pihak yang terlibat dalam industri pertanian juga akan menunjukkan hasil penemuan teknologi baru termasuk sistem penyejukan, sistem memberi makan automatik dan sistem pungutan hasil.

Selain daripada ternakan berasaskan makanan, para pengunjung MAHA 2000 juga boleh membeli produk-produk pertanian selain dihiburkan dengan pertunjukan haiwan.

Antaranya ialah pertunjukan anjing anjuran Malaysian Kennel Association yang akan mempamerkan pelbagai jenis baka dan anjing terlatih seperti German Shepards, Retrievers, Rottweilers, Border Collie dan Dobermans.

Pameran Ayam Cantik juga akan diadakan yang menampilkan ayam serama, serama muda dan kapan dan kemuncaknya ialah pertandingan Ayam Cantik pada Ahad ini.

Para peminat hamster dan kucing juga tidak ketinggalan menyaksikan pelbagai jenis dan baka hamster dan kucing yang akan menunjukkan kemahiran mereka menerusi acara formula satu, bola golek dan perlumbaan.

MAHA 2000 juga menyenaraikan satu persembahan ekuin dengan kemuncaknya ialah perlumbaan kuda bola yang pertama kali diadakan antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Polis. Acara lain termasuk pameran baka kuda, menghias dan memandikan kuda selain menunggang kuda secara percuma.

Semasa MAHA 2000, Yayasan Kebajikan Haiwan Malaysia akan merasmikan Minggu Kebajikan Haiwan Negara pada Ahad dan sempena acara itu, dua sampul surat peringatan akan dilancarkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan MAHA 2000 pada Sabtu ini.

-- BERNAMA

AR ZS NAK